

**PRINSIP DAN SYARAT PEMBERIAN  
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2025  
JABATAN HAL EHWAL VETERAN, ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**1. PUNCA KUASA**

Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.800-3/2/4(47) bertarikh 27 Januari 2025.

**2. KADAR PEMBERIAN**

Sebanyak RM250.00 dibayar sekaligus pada 25 Februari 2025.

**3. ANGGARAN PERUNTUKAN**

Berdasarkan data/rekod Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak **RM37,550,000.00** bagi menampung sejumlah **150,200** veteran berpencen/\*penerima pencen dan **RM18,231,000.00** bagi menampung sejumlah **72,924** veteran ATM tidak berpencen.

**4. PENERIMA YANG LAYAK DIBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2025**

- 4.1 Veteran/penerima pencen di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau veteran/penerima pencen di bawah *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants)* 1952 bagi Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa pada 25 Februari 2025 bagi semua gred di dalam Perkhidmatan ATM.

- 4.2 Penerima seperti di perenggan 4.1 yang tidak bermastautin di Malaysia.
- 4.3 Veteran yang dilantik semula secara tetap, sementara atau *contract of service* dan masih berkhidmat pada 25 Februari 2025 layak diberi BKK Tahun 2025 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JHEV dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana anggota sedang berkhidmat.

## 5. PENERIMA YANG TIDAK LAYAK DIBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2025

- 5.1 Veteran yang tarikh persaraannya pada 25 Februari 2025 dan selepasnya kerana BKK Tahun 2025 telah dibayar semasa dalam perkhidmatan.
- 5.2 Veteran/penerima pencen di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau veteran/penerima pencen di bawah *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants)* 1952 bagi Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa berikutan kematian anggota dalam perkhidmatan pada 25 Februari 2025 dan selepasnya kerana BKK Tahun 2025 telah dibayar semasa dalam perkhidmatan.

## 6. PRINSIP PEMBAYARAN

- 6.1 BKK Tahun 2025 akan diproses melalui dua (2) cara iaitu:
  - (i) Secara kelompok iaitu bayaran dibuat melalui kredit bank/cek/waran.
  - (ii) Secara individu bagi veteran/penerima pencen seperti berikut:

- a) Penerima yang berada di luar negara; dan
  - b) Bayaran yang tidak dapat diproses secara kelompok.
- 6.2 JHEV akan mengurus pembayaran BKK Tahun 2025 kepada veteran/penerima pencen. Walau bagaimanapun, bagi maksud mendapatkan peruntukan bayaran veteran tidak berpencen, hendaklah memohon kelulusan Pegawai Pengawal Kementerian Pertahanan.
- 6.3 BKK Tahun 2025 hanya **dibayar sekali sahaja** di Bahagian Pencen (BP), JPA sekiranya veteran/penerima pencen mempunyai rekod di BP, JPA dan JHEV.
- 6.4 Veteran/penerima pencen di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau veteran/penerima pencen di bawah *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants)* 1952 bagi Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa, dibayar berasaskan **pembahagian sama rata** mengikut akaun penerima pencen.
- 6.5 BKK Tahun 2025 hanya akan dibayar pada tahun ini (tahun semasa) sahaja.

Disediakan oleh:

Bahagian Pencen

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

4 Februari 2025

Nota:

- i. Penerima pencen adalah orang tanggungan kepada Veteran ATM yang menerima pencen terbitan atau pencen fanggungan.
- ii. Orang tanggungan yang layak adalah balu/ duda/ anak/ ibu/ bapa selaras dengan Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants), 1952.